

**PENGGUNAAN VIDEO DALAM MENINGKATKAN
MINAT DAN KEFAHAMAN MURID TAHUN LIMA
TERHADAP TAJUK HAIWAN DI KUCHING**

Chan Chun Meng
En. Ooi Eng Hong

Jabatan Sains IPG Kampus Batu Lintang, Kuching Sarawak
ccm_0114@hotmail.com

ABSTRAK

Penyelidikan tindakan ini dijalankan bertujuan untuk meninjau keberkesanan penggunaan video dalam meningkatkan minat dan kefahaman murid tahun 5 dalam topik “ciri dan tingkah laku khas haiwan melindungi diri daripada musuh”. Kajian ini melibatkan 3 orang murid tahun 5 di sebuah sekolah rendah daerah Kuching. Instrumen mengumpul data yang digunakan termasuklah ujian, nota lapangan, borang temu bual dan borang pemerhatian. Semua data akan dianalisis secara kualitatif dan kuantitatif. Triangulasi kaedah dan sumber dilaksanakan untuk menyemak data. Hasil analisis data mendapati semua peserta kajian telah menunjukkan peningkatan skor dalam ujian kesan tindakan. Daripada hasil kajian, didapati 3 orang murid tersebut telah menunjukkan perubahan sikap, menjadi lebih berminat terhadap Sains serta lebih memahami topik ini selepas penggunaan video.

Kata Kunci: Video, minat, kefahaman, murid Tahun 5, Proses Hidup Haiwan

ABSTRACT

This research was conducted to evaluate the effect of using video in enhancing the interest and understanding of Year 5 pupils in the topic “special features and behaviors of animals protect themselves from enemies”. This research was involved 3 Year 5 pupils from a primary school in Kuching. The instruments used in collecting data included tests, field notes, interviews form and observation form. All the data was then analyzed qualitatively and quantitatively. Persons' and method triangulation was employed to check the data. The results of analysis revealed that all the respondents have shown improvement in post test scores. From the results of research it was found that 3 pupils have shown changes in attitude, become more interested in science and found to have a better understanding of this topic after the use of video.

Keywords: Video, interest, understanding, Year 5 pupils, Animal Life Process

PENGENALAN

Saya merupakan seorang guru pelatih dari Institut Pendidikan Guru Kampus Batu Lintang yang mengambil kursus Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan dengan Sains sebagai kursus major. Semasa praktikum fasa dua, saya telah diminta oleh guru pembimbing untuk membuat ulang kaji terhadap topik Haiwan Tahun lima. Saya menyampaikan isi pelajaran secara lisan dengan menggunakan buku teks sahaja. Saya mendapati tiga orang murid tidak memberi tumpuan dan selalu mengantuk semasa proses pembelajaran dan pengajaran dijalankan. Hasil lembaran kerja tiga orang murid tersebut menunjukkan jawapan yang diberikan tidak betul.

Melalui pengalaman saya, penggunaan video dalam pembelajaran dan pengajaran Sains dapat menarik perhatian murid dan memperluaskan pengalaman dan pengetahuan murid. Sebagai contohnya, dalam topik “ciri dan tingkah laku khas haiwan melindungi diri daripada musuh” adalah susah bagi seorang guru untuk membawa murid pergi tengok ciri dan tingkah laku khas haiwan melindungi diri daripada musuh. Penggunaan video membolehkan murid nampak bagaimana haiwan menggunakan ciri atau tingkah laku khas mereka untuk melindungi diri daripada musuh dan dapat memudahkan murid belajar tentang topik ini. Saya juga berpendapat bahawa strategi ini adalah lebih mudah dijalankan dan menjimatkan masa.

Selain itu, penggunaan video sebagai Strategi pengajaran ini adalah bersesuaian dengan gaya pembelajaran visual dan audio. Menurut Chen dan Xia (2012), pembelajaran melalui video dapat memperdalam ingatan dan pemahaman murid dengan paparan yang jelas dan berkualiti.

Pengumpulan Data Awal

Saya telah mengumpul data-data awal untuk mengesahkan kewujudan isu-isu seperti kekurangan minat dan kefahaman dalam pembelajaran Sains. Saya telah menggunakan empat instrumen iaitu, borang temu bual, nota lapangan, borang pemerhatian dan ujian awal pencapaian.

Melalui sesi temu bual, didapati tiga orang murid tersebut adalah tidak berminat dalam belajar Sains dan tidak faham tentang isi pelajaran topik “ciri dan tingkah laku khas haiwan melindungi diri daripada musuh”. Mereka tidak dapat jawab soalan yang ditanya oleh saya.

Merujuk kepada pemerhatian saya, saya telah mendapati bahawa tiga orang murid sering tidak memberi tumpuan dan berkhayal semasa sesi PdP dijalankan. Dapatkan nota lapangan juga menunjukkan hasil lembaran kerja tiga orang murid tersebut didapati jawapan yang diberikan tidak memberangsangkan. Lagi, murid A dan murid C mengeleng-geleng kepala sahaja apabila guru mengutarakan soalan kepada mereka. Murid B juga tidak dapat menjawab soalan dan kadang-kadang tidak mengetahui kehendak soalan guru.

Selain itu, melalui ujian awal pencapaian ketiga-tiga murid menunjukkan mereka tidak menguasai apa yang telah dipelajari. Didapati murid B jawab dua soalan dengan betul daripada 12 soalan manakala murid A dan C hanya dapat jawab satu soalan dengan betul daripada 12 soalan dalam ujian awal pencapaian.

Manakala Jadual 1 menunjukkan bahawa tiada peserta kajian yang berminat terhadap PdP dalam topik “ciri dan tingkah laku khas haiwan melindungi diri daripada musuh”.

Jadual 1

Dapatan borang pemerhatian sebelum kajian tindakan (Tema Minat)

Bil	Item	Murid					
		Ya			Tidak		
		A	B	C	A	B	C
1	Murid menumpukan perhatian kepada PdP.				/	/	/
2	Murid mengambil bahagian dengan aktif.				/	/	/
3	Murid jawab soalan dengan aktif.				/	/	/
4	Murid menunjukkan air muka yang gembira semasa aktiviti PdP dijalankan.				/	/	/
5	Murid berminat terhadap proses PdP.				/	/	/

FOKUS KAJIAN

Tiga murid yang saya temui tidak minat isi pelajaran yang telah saya sampaikan. Cara yang telah saya guna untuk menjelaskan sesuatu topik tidak dapat menarik perhatian murid. Oleh itu, pencapaian murid dalam mata pelajaran Sains rendah.

Fokus utama dalam kajian saya ini adalah untuk mengkaji keberkesanannya menggunakan video dalam membantu murid mempelajari topik dalam mata pelajaran Sains. Penggunaan video ini dikaji sama ada dapat meningkatkan minat dan kefahaman murid dalam mempelajari mata pelajaran Sains. Khususnya, pada subtopik “ciri dan tingkah laku khas haiwan melindungi diri daripada musuh”.

OBJEKTIF DAN SOALAN KAJIAN

Objektif Kajian

Objektif kajian ini adalah untuk :

- Meningkatkan minat pembelajaran tiga orang murid dalam topik “ciri dan tingkah laku khas haiwan melindungi diri daripada musuh” melalui penggunaan video.
- Meningkatkan kefahaman tiga orang murid dalam topik “ciri dan tingkah laku khas haiwan melindungi diri daripada musuh” melalui penggunaan video.

Persoalan Kajian

Persoalan kajian yang cuba dijawab dalam kajian ini adalah :

- Bagaimanakah penggunaan video dapat meningkatkan minat pembelajaran tiga orang murid dalam topik “ciri dan tingkah laku khas haiwan melindungi diri daripada musuh”?
- Sejauh manakah penggunaan video dapat meningkatkan kefahaman tiga orang murid dalam topik “ciri dan tingkah laku khas haiwan melindungi diri daripada musuh”?

PESERTA KAJIAN

Peserta kajian yang terlibat dalam kajian penyelidikan tindakan ini terdiri daripada tiga orang murid Tahun lima. Jadual 2 menunjukkan maklumat berkenaan peserta-peserta kajian.

Jadual 2

Maklumat berkenaan dengan peserta kajian

Bil.	Peserta kajian	Jantina	Tahap Pencapaian	Ciri-ciri
1	Murid A	Lelaki	Rendah	Selalu bersempang dengan rakan sebelah
2	Murid B	Lelaki	Rendah	Bersikap malas, pasif
3	Murid C	Perempuan	Rendah	Selalu berkhayal, pendiam

TINDAKAN YANG DIJALANKAN

Pelaksanaan PdP berdasarkan penggunaan video telah bermula pada 12 September 2017.

Jadual 3 menunjukkan langkah-langkah tindakan yang diambil oleh saya semasa kajian ini.

Jadual 3

Langkah-langkah tindakan yang dijalankan

Langkah	Tindakan yang dijalankan
1	Membuat perancangan pelaksanaan sesi PdP bagi topik “ciri dan tingkah laku khas haiwan melindungi diri daripada musuh”.
2	Fokus pembelajaran ciri dan tingkah laku khas haiwan melindungi diri daripada musuh diagihkan kepada satu sesi PdP. Jadual 4 menunjukkan pengagihan pembelajaran topik “ciri dan tingkah laku khas haiwan melindungi diri daripada musuh” dalam satu sesi PdP.
3	Melaksanakan satu sesi PdP bagi topik “ciri dan tingkah laku khas haiwan melindungi diri daripada musuh”.
4	Membuat temu bual, nota lapangan, borang pemerhatian dan mengedarkan ujian kesan tindakan kepada murid selepas pelaksanaan kaedah penggunaan video dalam topik “ciri dan tingkah laku khas haiwan melindungi diri daripada musuh”.

Jadual 4

Langkah-langkah pembelajaran

Langkah	Aktiviti Pembelajaran
Set induksi	Menayangkan video rangsangan
Langkah 1	Video haiwan-haiwan diserang oleh musuhnya
Langkah 2	Video cara-cara haiwan melindungi diri daripada musuhnya
Langkah 3	lembaran kerja
Penutup	refleksi / imbas kembali


Kaedah Pengumpulan Data dan Menganalisis Data

Jadual 5

Kaedah pengumpulan data dan menganalisis data

Soalan kajian	Kaedah Pengumpulan Data	Instrumen Pengumpulan Data	Kaedah Menganalisis Data
A. Bagaimakah penggunaan video dapat meningkatkan minat pembelajaran tiga orang murid dalam topik "ciri dan tingkah laku khas haiwan melindungi diri daripada musuh"?	<ul style="list-style-type: none"> • Temu bual (dengan murid) • Pemerhatian (Rakan Sepraktikum) • Pemerhatian (Sendiri) 	<ul style="list-style-type: none"> • Borang temu bual • Nota lapangan • Borang pemerhatian 	<ul style="list-style-type: none"> • Analisis kandungan • Analisis kandungan • Peratusan
B. Sejauhmanakah penggunaan video dapat meningkatkan kefahaman tiga orang murid dalam topik "ciri dan tingkah laku khas haiwan melindungi diri daripada musuh"?	<ul style="list-style-type: none"> • Temu bual (dengan murid) • Pemerhatian (Rakan Sepraktikum) • Analisis dokumen 	<ul style="list-style-type: none"> • Borang temu bual • Nota lapangan • Ujian kesan tindakan 	<ul style="list-style-type: none"> • Analisis kandungan • Analisis kandungan • Peratusan

Kaedah Menyemak Data



Rajah 1. Kaedah yang digunakan untuk menyemak data

DAPATAN KAJIAN

Untuk menjawab soalan kajian yang pertama dan kedua iaitu minat dan kefahaman murid. Data temu bual, data nota lapangan, data borang pemerhatian dan data ujian kesan tindakan dianalisis dan diinterpretasikan.

Jadual 6

Transkrip temu bual tentang minat murid dalam PdP topik “ciri dan tingkah laku khas haiwan melindungi diri daripada musuh” selepas penggunaan video

Soalan 1: Adakah kamu suka cikgu menggunakan video mengajar kamu dalam topik “ciri dan tingkah laku khas haiwan melindungi diri daripada musuh” ? Mengapa?

Murid	Jawapan Murid
A	Ya. Sebab baca buku sangat bosan, video lebih menarik.
B	Ya. (senyum) Kerana video sangat menarik.
C	Ya. (senyum) Kerana sangat seronok.

Petunjuk :



Faktor minat



Faktor tidak minat

Berdasarkan Jadual 6, didapati minat ketiga-tiga murid telah meningkat selepas penggunaan video dalam PdP topik “ciri dan tingkah laku khas haiwan melindungi diri daripada musuh”. Peserta-peserta kajian telah memberi maklum balas yang positif tentang perasaan mereka semasa PdP dijalankan.

Jadual 7

Pengkategorikan data bagi nota lapangan selepas penggunaan video dalam PdP topik “ciri dan tingkah laku khas haiwan melindungi diri daripada musuh” mengikut tema yang berkaitan

Kategori	Tema
Ekspresi muka adalah riang	Berminat
Bersemangat sepanjang masa pdp dijalankan	Berminat
Berasa amat seronok	Berminat
Kelihatan amat berminat terhadap topik	Berminat
Tidak bersabar-sabar ingin menonton video seterusnya	Berminat

Dari Jadual 7, didapati ketiga-tiga murid berminat dalam topik “ciri dan tingkah laku khas haiwan melindungi diri daripada musuh” selepas penggunaan video dalam PdP.

Jadual 8

Perbandingan kekerapan item bagi minat sebelum dan selepas penggunaan video

Bil.	Item	Sebelum		Selepas	
		Ya	Tidak	Ya	Tidak
1.	Murid menumpukan perhatian kepada PdP.	0	3	3	0
2.	Murid mengambil bahagian dengan aktif.	0	3	3	0
3.	Murid jawab soalan dengan aktif.	0	3	3	0
4.	Murid menunjukkan air muka yang gembira semasa aktiviti PdP dijalankan.	0	3	3	0
5.	Murid berminat terhadap proses PdP.	0	3	3	0

Berdasarkan Jadual 8, tiga orang murid yang tidak berminat untuk belajar topik “ciri dan tingkah laku khas haiwan melindungi diri daripada musuh” sebelum penggunaan video. Selepas penggunaan video, tiga orang murid itu berminat untuk belajar topik “ciri dan tingkah laku khas haiwan melindungi diri daripada musuh”.

Jadual 9

Tahap kefahaman peserta kajian dalam topik “ciri dan tingkah laku khas haiwan melindungi diri daripada musuh” selepas penggunaan video.

Murid	Bilangan Jawapan yang Betul	Tahap Kefahaman
A	4	Tinggi
B	4	Tinggi
C	4	Tinggi

Berdasarkan jadual 9, didapati tiga orang murid tersebut mempunyai tahap kefahaman yang tinggi dalam topik “ciri dan tingkah laku khas haiwan melindungi diri daripada musuh”. Mereka mampu menjawab soalan dengan betul selepas video digunakan dalam PdP.

Jadual 10

Pengkategorikan data bagi nota lapangan selepas penggunaan video dalam PdP topik “ciri dan tingkah laku khas haiwan melindungi diri daripada musuh” mengikut tema yang berkaitan

Kategori	Tema
berlumba-lumba angkat tangan	Yakin
Jawab dengan berkeyakinan	Yakin
Jawapan yang diberikan adalah betul	Faham
Menyiapkan lembaran kerja dengan betul dan cepat	Faham

Dari Jadual 10, didapati murid A, B dan C faham dalam topik “ciri dan tingkah laku khas haiwan melindungi diri daripada musuh” selepas penggunaan video dalam PdP.

Jadual 11

Perbandingan pencapaian ujian awal pencapaian dan ujian kesan tindakan bagi ketiga-tiga murid

Murid	Ujian awal pencapaian		Ujian kesan tindakan		Peningkatan (%)
	Bilangan soalan yang betul / dijawab	Peratus (%)	Bilangan soalan yang betul / dijawab	Peratus (%)	
A	1 / 12	8.3	12 / 12	100	91.7
B	2 / 12	16.7	12 / 12	100	83.3
C	1 / 12	8.3	12 / 12	100	91.7

Petunjuk :



Lulus



Gagal

Berdasarkan Jadual 11, satu graf bar telah dihasilkan. Rajah 2 menunjukkan graf perbandingan peratusan antara ujian awal pencapaian dan ujian kesan tindakan bagi ketiga-tiga murid.



Rajah 2. Graf perbandingan peratusan antara ujian awal pencapaian dan ujian kesan tindakan bagi ketiga-tiga murid

REFLEKSI

Refleksi Penilaian Pembelajaran

Kesan terhadap Murid

- Peserta-peserta kajian telah lebih cenderung untuk memberikan jawapan yang betul dan tepat sama ada dalam lembaran kerja atau ujian selepas video diguna.
- Mereka mula bertanya soalan tentang apa yang dilihat disebabkan sikap ingin tahu.

Kesan terhadap Pengkaji

- Apabila didapati kesalahan murid, guru harus mencari punca masalahnya dan mencari alternatif untuk menyelesaiakannya.

Kesan terhadap Pihak Sekolah

- Data dan maklumat ini akan menyakinkan guru-guru yang lain untuk mengaplikasikan kaedah ini dalam PdP mereka.

CADANGAN TINDAKAN SUSULAN

Beberapa cadangan untuk kajian seterusnya ialah guru boleh menerapkan penggunaan video dalam pengajaran dan mengadakan aktiviti lanjutan daripada tayangan video, misalnya mengadakan sesi perbincangan, simulasi, main peranan atau aktiviti hands-on selepas video untuk mengukuhkan lagi kefahaman murid.

Pada masa akan datang, saya berharap dapat mengaplikasikan video untuk mengajar tajuk lain dalam mata pelajaran Sains serta mata pelajaran lain seperti Pendidikan Kesihatan dan Pendidikan Moral untuk menguji sama ada video sesuai digunakan untuk tajuk tertentu.

RUJUKAN

- Aloraini, S.I. (2012). The impact of using multimedia on students' academic achievement in the College of Education at King Saud University. *Journal of King Saud University-Languages and Translation*. 24(2), pp. 75-82.
- Baharuddin Aris et.al (2000) Modul Pengajaran Teknologi Pendidikan, Fakulti Pendidikan, UTM, Skudai, Johor.
- Berk, R.A. (2009). Multimedia teaching with video clips: TV, movies, YouTube, and mtvU in the college classroom. *International Journal of Technology in Teaching and Learning*. 5(1), pp. 1-21.
- Brecht, D.H. (2012). Learning from online video lectures. *Journal of Information Technology Education: Innovations in Practice*. 11(1), pp. 227-250.
- Chen, S. & Xia, Y. (2012). Research on application of multimedia technology in college physical education. *Procedia Engineering*. 29, pp. 4213-4217.
- Cruse, E. (2011). Using educational video in the classroom: *Theory, research and practice*. Diakses pada 20 Mac 2017 daripada <http://www.safarimontage.com/pdfs/training/UsingEducationalVideoInTheClassroom.pdf>
- Dr Ismail Zain. (2009, Februari 2). *Aplikasi video dalam pembelajaran*. Portal Pendidikan Utusan 2001-2009. Utusan Melayu (M) Berhad. Kuala Lumpur. Diperolehi pada 15 March 2017 dari http://www.tutor.com.my/tutor/dunia.asp?y=2009&dt=0216&pub=DuniaPendidikan&sec=Motivasi&pg=mo_01.htm
- Ee Ah Meng (1999). *Siri Diploma Perguruan, Pendidikan Di Malaysia 1, Falsafah Pendidikan, Guru Dan Sekolah*. 2nd.ed. Shah Alam: Penerbitan Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Jamalludin Harun & Zaidatun Tasir. (2003). *Multimedia dalam pendidikan*. Bentong: PTS Publication & Distributors.
- Mayer, R.E. & Moreno, R. (2003). Nine ways to reduce cognitive load in multimedia learning. Diakses pada 15 Mac 2017 daripada http://emcrit.org/pdf/mayer_moreno_2003.pdf
- Mayer, R.E. (2001). *Multimedia learning*. Cambridge, UK: Cambridge University Press.
- Nas Norziela Nasbah. (2017, Oktober 27). Lebih RM60 bilion untuk sektor pendidikan. *BH ONLINE*. Diakses daripada <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2017/10/342646/lebih-rm60-bilion-untuk-sektor-pendidikan>
- Paivio, A. (1986). *Mental representations: A dual coding approach*. Oxford: Oxford University Press.
- Semrau, P. & Boyer, B.A. (1994). *Using interactive video in education*. Boston: Allyn and Bacon.
- Sidek Mohd Noah (2002). *Reka Bentuk Penyelidikan, Falsafah teori dan Praktis*. Selangor: Penerbit Universiti Putra Malaysia.